



## BORANG PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN (PP BIL. 11/2016)

Arahan : Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **jelas** dan menggunakan **huruf besar**

### BAHAGIAN I: BUTIRAN DIRI PEGAWAI

1. Nama Penuh : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Jawatan dan Gred : \_\_\_\_\_
4. No. Pekerja : \_\_\_\_\_
5. Jabatan/Bahagian/Unit:  
/Fakulti/Kampus : \_\_\_\_\_

### BAHAGIAN II: BUTIRAN ANAK

6. Nama Anak : \_\_\_\_\_
7. No. Kad Pengenalan/  
MyKid/No. Sijil Kelahiran/  
Sijil Pendaftaran Pengangkutan : \_\_\_\_\_
8. Umur Anak : \_\_\_\_\_ tahun \_\_\_\_\_ bulan (pada tarikh kuarantin).

*(Syarat anak dikuarantin : i. Bawah 18 tahun: ii. Bawah 21 tahun jika masih belajar iii. Dengan tidak mengira usia anak tersebut, sekiranya cacat otak dari segi jasmani dan secara kekal serta tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, dengan syarat kesemua perkara tersebut berlaku ketika usia anak itu di bawah 21 tahun)*

9. Hubungan dengan Pegawai
 

<input type="checkbox"/>	Anak kandung
<input type="checkbox"/>	Anak tiri tanggungan
<input type="checkbox"/>	Anak pelihara
<input type="checkbox"/>	Anak angkat <i>de facto</i>
<input type="checkbox"/>	Anak angkat
<input type="checkbox"/>	Anak jagaan : _____

10. Perakuan Kuarantin mulai dari : \_\_\_\_\_ (tarikh) hingga \_\_\_\_\_ (tarikh)

**(\*sila lampirkan perakuan kuarantin yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan Kerajaan/swasta dan rekod cuti staf)**

11. Jenis penyakit berjangkit (sila  $\surd$  salah satu):

- Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut [*Hand, Foot and Mouth Disease (HFMD)*]  
 Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah  
 Campak (*Measles*)  
 *Chickenpox*  
 Difteria  
 Malaria

### BAHAGIAN III: PENGESAHAN PEGAWAI

12. Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat sebagaimana yang dinyatakan di Bahagian I dan II adalah benar. Sehubungan itu, saya memohon kemudahan Cuti Kuarantin selama \_\_\_\_\_ hari, pada/mulai \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_ .

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

### BAHAGIAN IV: PENGESAHAN DAN KEPUTUSAN KETUA JABATAN

13. Permohonan kemudahan Cuti Kuarantin bagi pegawai adalah **DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN\*** pada/mulai \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_ (*tempoh yang boleh diluluskan maksimum 5 hari sepanjang tempoh perakuan*)\*\*

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama dan Jawatan : \_\_\_\_\_  
(*cop rasmi*)

Tarikh : \_\_\_\_\_

\**potong mana yang tidak berkenaan*

\*\* *sila rujuk FAQ PP Bil 11/2016*

**FAQ PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2016  
KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan perakuan kuarantin?	<p><b>Perakuan secara bertulis atau melalui sijil sakit</b> oleh pegawai perubatan Kerajaan atau swasta.</p> <p><b>Perakuan atau sijil sakit tersebut hendaklah di atas nama anak yang dijangkiti penyakit berjangkit</b> yang disenaraikan di <b>Lampiran A</b> PP Bil. 11/2016 sahaja atau pindaannya dari semasa ke semasa, <b>bukannya atas nama pegawai.</b></p> <p>Kemudahan Cuti Kuarantin ini hanya diperuntukkan untuk <b>menjaga anak yang disahkan dijangkiti penyakit</b> yang tersenarai di <b>Lampiran A</b> PP Bil. 11/2016.</p>
2.	Bagaimana pula jika pegawai yang diberi perintah kuarantin?	Pegawai yang diberi perintah kuarantin adalah layak mendapat Cuti Kuarantin bergaji penuh <b>sepanjang tempoh kuarantin</b> selaras dengan peraturan dan ketetapan di bawah Perintah Am 24 Bab C (Cuti).
3.	Berapakah tempoh kelayakan kemudahan Cuti Kuarantin?	<p>(i) Tempoh yang boleh diluluskan adakah <b>terhad kepada maksimum lima (5) hari bagi setiap kes</b> walaupun tempoh perakuan sesuatu kes tersebut adalah melebihi lima (5) hari, <b>tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.</b></p> <p><b>Contoh 1:</b> Tempoh perakuan bermula 9 Januari 2017 hingga 20 Januari 2017 (12 hari, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am).</p> <p>Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin <b>terhad kepada maksimum lima (5) hari sahaja sepanjang tempoh perakuan</b> bagi satu kes kuarantin, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Dalam kes ini, pegawai boleh memohon Cuti Kuarantin mulai 9 Januari 2017 atau pada bila-bila masa dalam tempoh 9 Januari 2017 hingga 20 Januari 2017, dan tidak semestinya digunakan lima (5) hari secara berturut-turut.</p> <p><b>Contoh 2:</b> Tempoh perakuan bermula 9 Januari 2017 hingga 12 Januari 2017 (4 hari). Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin <b>terhad kepada empat (4) hari sahaja sepanjang tempoh perakuan</b> tersebut, walaupun kelayakan lima (5) hari.</p> <p><b>Contoh 3:</b> Tempoh perakuan bermula 9 Januari 2017 hingga 13 Januari 2017 (5 hari). Pegawai hanya</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>bercadang menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin selama <b>empat (4) hari sahaja</b> demi kepentingan perkhidmatan walaupun kelayakan lima (5) hari. Oleh yang demikian, <b>baki satu (1) hari tersebut tidak boleh di bawa ke hadapan</b> bagi kes kuarantin yang lain.</p> <p>(ii) <b><u>Sekiranya</u></b> anak yang sama/lain dijangkiti penyakit yang berulang atau penyakit lain yang tersenarai di <b>Lampiran A PP Bil. 11/2016</b>, <b>pegawai berkelayakan mendapat kemudahan Cuti Kuarantin</b> berdasarkan tempoh perakuan yang dinyatakan.</p> <p><b><u>Contoh 1:</u></b> Pegawai A telah menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin kerana anak sulungnya yang sakit pada 9 Januari 2017 sehingga 13 Januari 2017 (5 hari). Namun begitu, anak beliau sekali lagi telah dijangkiti penyakit yang sama dan diberi tempoh perakuan bermula 2 Februari 2017 sehingga 10 Februari 2017. <b>Pegawai A layak mendapat Cuti Kuarantin terhadap kepada maksimum lima (5) hari sahaja sepanjang tempoh perakuan bagi kes 2 Februari 2017 sehingga 10 Februari 2017 tersebut , tidak termasuk</b> hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.</p> <p><b><u>Contoh 2:</u></b> Pegawai B telah menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin kerana anak sulungnya yang sakit pada 9 Januari 2017 sehingga 13 Januari 2017 (5 hari). Selepas itu, anak keduanya pula dijangkiti penyakit yang sama dan diberi tempoh perakuan bermula 13 Januari 2017 sehingga 20 Januari 2017 (8 hari).</p> <p><b>Pegawai B layak mendapat Cuti Kuarantin untuk anak keduanya selepas tamat tempoh Cuti Kuarantin anak sulungnya pada 13 Januari 2017.</b> Jika pegawai ingin menggunakan Cuti Kuarantin untuk anak kedua bermula 13 Januari 2017, maka Cuti Kuarantin anak sulungnya perlu dipendekkan kepada 12 Januari 2017.</p> <p>(iii) Sekiranya suami/isteri merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, <b>kedua-dua pegawai suami/isteri layak mendapat kemudahan Cuti Kuarantin maksimum lima (5) hari dan boleh digunakan secara serentak atau secara berasingan terhadap selama tempoh perakuan</b> yang dikeluarkan mengikut mana yang lebih rendah.</p> <p><b><u>Contoh:</u></b> Pegawai C dan pegawai D kedua-duanya merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Mereka adalah suami dan isteri. Anak sulung mereka telah dijangkiti penyakit yang tersenarai di <b>Lampiran A</b></p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>PP Bil. 11/2016 dan diberi tempoh perakuan kuarantin bermula 9 Januari 2017 hingga 20 Januari 2017 (12 hari, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am). Justeru, <b>pegawai C dan pegawai D</b> boleh menggunakan <b>kemudahan Cuti Kuarantin maksimum lima (5) hari secara serentak atau secara berasingan.</b></p>
4.	<p>Apakah yang dimaksudkan dengan penggunaan Cuti Kuarantin pada bila-bila masa?</p>	<p>Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin pada bila-bila masa dalam tempoh perakuan yang diberikan oleh pegawai perubatan Kerajaan atau swasta.</p> <p><b>Contoh 1:</b> Tempoh perakuan bermula 2 Februari 2017 sehingga 10 Februari 2017 (9 hari, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am). Pegawai hanya bercadang menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin bermula 6 Februari 2017 sehingga 10 Februari 2017 (4 hari) sahaja kerana 9 Februari 2017 merupakan hari kelepasan am (Hari Thaipusam). Justeru, <b>kemudahan Cuti Kuarantin pegawai hanya diluluskan sebanyak empat (4) hari sahaja dan baki satu (1) hari tidak boleh di bawa ke hadapan</b> bagi kes kuarantin yang lain.</p> <p><b>Contoh 2:</b> Tempoh perakuan bermula 2 Februari 2017 sehingga 13 Februari 2017 (12 hari, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am). Pegawai hanya bercadang menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin bermula 6 Februari 2017 sehingga 13 Februari 2017 (5 hari) sahaja kerana 9 Februari 2017 merupakan hari kelepasan am (Hari Thaipusam), 11 Februari 2017 dan 12 Februari 2017 merupakan hari rehat mingguan dan hari kelepasan mingguan. <b>Justeru, kemudahan Cuti Kuarantin pegawai hanya diluluskan sebanyak lima (5) hari sahaja.</b></p>
5.	<p>Bagaimana sekiranya anak tersebut mengalami hilang upaya kekal selepas berusia 21 tahun?</p>	<p>(i) Syarat anak yang dikuarantin adalah berumur di bawah 18 tahun atau jika masih belajar di bawah 21 tahun; dan</p> <p>(ii) Dengan tidak mengira usia anak tersebut, sekiranya cacat otak dari segi jasmani dan secara kekal serta tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, dengan syarat kesemua perkara tersebut berlaku ketika usia anak itu di bawah 21 tahun.</p> <p><b>Contoh:</b> Pegawai E mempunyai seorang anak yang berusia 23 tahun yang mengalami hilang upaya kekal kerana mengalami kemalangan jalan raya pada usia anak tersebut 22 tahun. Justeru itu, sekiranya anak tersebut menghidap penyakit berjangkit seperti senarai penyakit di</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>Lampiran A PP Bil. 11/2016, pegawai E tidak layak mendapat kemudahan Cuti Kuarantin kerana anaknya mengalami hilang upaya kekal selepas berusia 21 tahun.</b></p>
6.	<p>(i) Apakah yang dimaksudkan dengan penjagaan sementara?</p> <p>(ii) Apakah dokumen pengesahan penjagaan sementara yang diperlukan?</p>	<p>(i) Bagi pegawai yang diberi hak penjagaan sementara oleh ibu bapa asal anak selain daripada yang dinyatakan di perenggan 8(a) - (e), PP Bil. 11/2016, untuk apa-apa jua sebab bagi suatu tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya satu (1) bulan, <b>pegawai tersebut layak mendapat kemudahan Cuti Kuarantin</b>. Dalam hal ini, anak pegawai lain bermaksud, <b>anak kepada sesiapa sahaja</b> (penjawat awam atau swasta) asalkan penjaga tersebut merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang diberikan hak penjagaan semasa ketiadaan ibu dan bapa atas apa-apa jua sebab.</p> <p>(ii) Perakuan <b>bertulis bagi hak penjagaan</b> bagi suatu tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya satu (1) bulan hendaklah diberikan oleh ibu atau bapa kepada penjaga sementara yang merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.</p> <p><b>Contoh 1:</b> Pegawai F telah diberi hak penjagaan sementara oleh jirannya (pekerja swasta), untuk menjaga anak mereka yang berusia 7 tahun selama dua (2) bulan kerana bertugas di luar negara. Sekiranya anak jagaan tersebut didapati menghidap penyakit berjangkit seperti senarai penyakit di <b>Lampiran A PP Bil. 11/2016, pegawai F layak mendapat kemudahan Cuti Kuarantin.</b></p> <p><b>Contoh 2:</b> Pegawai G telah diberi hak penjagaan sementara oleh adiknya yang bertugas di Majlis Daerah Bentong untuk menjaga anaknya yang berusia tujuh (7) tahun selama 45 hari untuk menunaikan fardhu haji. Selepas dua (2) minggu, anak jagaan sementara tersebut disahkan menghidap <i>chickenpox</i> dan diberi perakuan kuarantin selama enam (6) hari.</p> <p><b>Pegawai G layak mendapat Cuti Kuarantin selama lima (5) hari</b>, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am memandangkan perakuan bertulis ibu atau bapa anak tersebut diberi melebihi satu (1) bulan.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
7.	Nyatakan <b>keadaan yang tidak melayakkan</b> pegawai mendapat kemudahan Cuti Kuarantin	<p>Kemudahan Cuti Kuarantin <b>tidak layak</b> diberikan bagi keadaan yang berikut:</p> <p>(i) ibu dan bapa yang <b>anaknyanya tidak mendapat penyakit berjangkit</b> tetapi dibimbangi boleh menjadi pembawa penyakit berjangkit kerana <b>terdapat anak-anak di taska/sekolah yang disahkan mendapat penyakit berjangkit</b>; dan</p> <p>(ii) ibu bapa yang <b>anaknyanya disahkan sihat tetapi taska/sekolah telah diisytihar sebagai kawasan yang dikuarantin</b> untuk mencegah daripada merebaknya penyakit berjangkit.</p>